

Kawasan bukit gondol

M/S 16

Teroka haram 260 hektar

SLIM RIVER: Sukar dipercayai tetapi begitulah pemandangan kawasan seluas 260 hektar di Changkat Ramu, dalam Mukim Sungkai yang boleh diibaratkan seperti 'padang jarak, padang terkukur', apabila menjadi mangsa pencerobohan haram.

Lebih mengejutkan lagi, peneroka haram bertindak berani menggondolkan beberapa bukit di situ kerana kawasan berkenaan sebahagian tanah tambahan dalam Hutan Simpan Gunung Besout seluas 5,781 hektar.

Penduduk di Kampung Kuala Slim yang terletak berhampiran Changkat Ramu mendakwa kegiatan haram merompak hasil hutan khususnya balak sebelum kawasan hutan dan bukit diratakan untuk penanaman kelapa sawit, pisang dan sayuran-sayuran dilakukan sejak lebih setahun lalu.

Penduduk, Ali Marsa, 56, berkata pada asalnya kawasan hutan Changkat Ramu penambahan daripada Hutan Simpan Gunung Besout, seluas kira-kira 320 hektar sebelum kerajaan negeri menganugerahkan 60 hektar daripadanya kepada sejumlah penduduk kampung terpilih, beberapa tahun lalu.

"Bermula daripada situlah masalah penerokaan haram ini bermula. Ia susulan tindakan beberapa penduduk dianugerahkan tanah itu menjualnya kepada ahli perniagaan bukan Bumiputera yang menawarkan harga lumayan, disusuli sebahagian besar penduduk yang lain.

"Ahli perniagaan itu difahamkan berasal dari Teluk Intan membawa masuk jentera berat bagi kerja pembalakan sebelum meratakan kawasan bukit dan hutan bagi penanaman kelapa sawit.

"Setahu saya, tanah ini berstatus rizab dan ia tidak boleh dijual dan ditukar milik kepada kaum bukan Bumiputera," katanya.

Ali melahirkan kehairanan bagaimana Jabatan Hutan dan Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang (PDTBP) boleh membenarkan perkara itu berlaku.



GONDOL...Ali menunjukkan sebahagian kawasan hutan ditarah kerja peneroka haram.

SEMAI...kawasan lapang berhampiran hutan yang ditarah dijadikan tapak semaian anak benih pokok kelapa sawit.

"Saya menetap di Kampung Kuala Slim sejak 28 tahun lalu dan menyedihkan dalam tempoh kurang dua tahun, hutan di Changkat Ramu habis ditarah sehingga bukitnya gondol," katanya.

Menurutnya, selepas kawasan hutan seluas 60 hektar itu habis ditarah akibat pembalakan, ia diratakan bagi kerja penanaman kelapa sawit.

"Selepas hasil hutan di tanah yang 'dibeli' itu habis dikaut dan merasakan dirinya sudah 'kebal', tauke (ahli perniagaan) berkenaan memulakan operasi penerokaan haram secara besar-besaran di kawasan Changkat Ramu yang hanya terletak bersebelahan tanahnya pada penghujung 2008.

"Tauke itu semakin berani apabila membawa masuk beberapa lagi jentera berat selain mengupah pekerja asing yang tidak diketahui mempunyai permit atau dokumen perjalanan yang sah.

"Saya meragukannya kerana setiap kali terserempak dengan penduduk kampung

yang memasuki kawasan itu, mereka melarikan diri.

"Mengejutkan, dalam tempoh 14 hingga 15 bulan saja, hampir 80 peratus daripada keseluruhan kawasan seluas 260 hektar di Changkat Ramu habis dikerjakan peneroka haram ini," katanya.

Tinjauan Harian Metro ke kawasan berkenaan yang terletak kira-kira sejam perjalanan dari pekan Slim River dan hanya boleh dimasuki dengan kenderaan pacuan empat roda mendapati aktiviti penerokaan haram seperti didakwa penduduk sudah memasuki fasa terakhir apabila sebahagian besar tanah dan bukit gondol.

Malah, ketika memasuki lebih jauh ke dalam hutan berkenaan, wartawan dan jurugambar Harian Metro yang ditemani beberapa penduduk, menemui satu bangsal dengan kawasan lapang berhampiran dijadikan lokasi nurseri anak benih pokok kelapa sawit dipercayai ditanam di situ.

Penduduk yang juga anak

jati Slim River, Harun Mohamad, 53, berkata beberapa penduduk pernah membuat aduan kepada PDTBP dan Jabatan Hutan mengenai penerokaan haram itu.

"Penduduk sudah tidak boleh bersabar dengan sikap tidak ambil peduli pihak bertanggungjawab dalam menangani masalah itu.

"Justeru, kami membuat aduan kepada Jabatan Hutan pada November lalu dan bertindak atas aduan itu, jabatan berkenaan menyita jentera digunakan untuk membalak.

"Awal bulan lalu, penduduk dimaklumkan pihak tidak bertanggungjawab yang meneroka kawasan ini secara haram dikenakan denda RM10,000. Bagi saya, jumlah itu seperti satu jenaka buat peneroka haram terbabat kerana hasil balak dirompak mereka bernilai jutaan ringgit," katanya yang juga Ketua Unit Peladang Kuala Slim di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan Slim River, Tanjung Malim.